

**PPPM, PSPTN Disejajarkan Di Bawah Satu Pelan Induk, Kata Muhyiddin Bernama
19 Sept, 2013**

BANGI, 19 Sept (Bernama) -- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) akan disejajarkan di bawah satu pelan induk bagi pembangunan pendidikan nasional tahun hadapan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata keputusan itu dibuat berikutan penggabungan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi yang kini dikenali Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Dengan tergabungnya dua buah kementerian ini, diharap jangan ada pihak yang merasa bimbang dan ragu dengan andaian bahawa bidang pendidikan tinggi akan menjadi kurang utama berbanding pendidikan di peringkat asasi," katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra bersama warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Khamis.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata pergabungan itu seharusnya dilihat sebagai kesinambungan berterusan dari peringkat prasekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.

"Saya memberi jaminan bahawa kita akan memberi perhatian utama daripada sudut pembangunan institusi pengajian tinggi awam mengenai perkara autonomi universiti," katanya.

Muhyiddin berkata kementerian juga telah meminta pihak universiti menyediakan pelan untuk memastikan mereka benar-benar berautonomi daripada segi kewangan, perancangan dan perkara-perkara lain.

Menyentuh isu kekusaran mengenai lambakan lulusan perubatan, Timbalan Perdana Menteri berkata berdasarkan nisbah penduduk berbanding doktor buat masa ini, Malaysia masih memerlukan lebih ramai doktor termasuk pakar perubatan.

"Namun dalam tempoh jangkaan dua ke tiga tahun (lagi), berdasarkan jumlah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang mengeluarkan graduan dalam bidang ini (perubatan) ianya sudah melebihi unjuran ditetapkan Kementerian Kesihatan," katanya.

Namun, kata Muhyiddin, hal itu bukan sesuatu yang patut dimarahkan kerana apabila ekonomi negara berkembang, keperluan bagi lulusan dan pakar perubatan akan meningkat bukan sahaja dalam sektor kerajaan tetapi juga sektor swasta.

Beliau berkata bagaimanapun sebagai langkah mengelakkan lambakan graduan perubatan, kementerian telah meletakkan moratorium kepada IPTA atau IPTS dalam penyediaan tempat bagi bidang itu.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri juga menyentuh isu pendidikan percuma di negara ini dengan menegaskan sebenarnya pendidikan di Malaysia hampir percuma keseluruhannya.

"Ini kerana dengan bantuan kewangan kerajaan bermula dari prasekolah hingga ke peringkat universiti kos yang ditanggung (kerajaan) adalah lebih daripada 90 peratus.

"Berbanding apa yang dicajkan universiti awam dengan universiti swasta untuk kursus yang sama, cajnya (IPTS) mungkin 10 kali ganda lebih tinggi dari IPTA kerana kebanyakan kos sudah pun ditanggung kerajaan," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978991>